



NOTA PENTING:

Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful myMediValue. **Pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.**

1. Apakah ciri-ciri pelan ini?

Takaful myMediValue adalah pelan perubatan individu yang diperbaharui secara tahunan yang melindungi perbelanjaan perubatan yang layak sehingga had tahunan keseluruhan, sama ada anda dimasukkan ke hospital atau menerima rawatan pesakit luar di hospital.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Pelan ini adalah produk patuh syariah dengan konsep-konsep Syariah berikut:



Tabarru'

(Derma untuk tujuan kebajikan.)

Di bawah pelan ini, anda menderma suatu amaun daripada caruman ke dalam Tabung Takaful, untuk membantu peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila peserta mencarum ke dalam Tabung Takaful.



Wakalah

(Kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal, memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah.)

Di bawah pelan ini, anda memberi kuasa kepada kami untuk menguruskan sijil dan sebagai balasannya, kami akan menerima Yuran Pengurusan.



Qard

(Pinjaman tanpa sebarang faedah.)

Di bawah pelan ini, kami akan meminjamkan sejumlah wang ke dalam Tabung Takaful tanpa faedah sekiranya tabung tersebut mengalami defisit untuk membayar tuntutan.



Hibah

(Pemindahan hak milik aset dari penderma kepada penerima tanpa apa-apa balasan.)

Di bawah pelan ini, manfaat yang akan dibayar dari Tabung Takaful adalah berdasarkan Hibah.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Pelan ini menawarkan spektrum manfaat yang luas, dalam lingkungan perlindungan pesakit dalam hingga ke pesakit luar. Untuk butiran terperinci mengenai manfaat anda, sila rujuk Jadual Manfaat.

Jadual Manfaat:-

No.	Manfaat	Jumlah Manfaat		
		Standard	Pro	Max
Bahagian A: Manfaat Pesakit Dalam dan Pembedahan Harian				
1.	Bilik dan Penginapan Harian di Hospital <i>(Tiada had bilangan hari)</i>	RM100	RM150	RM200
2.	Unit Rawatan Rapi <i>(Maksimum 60 hari bagi mana-mana satu keilangan)</i>	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada deduktibel (jika berkenaan)		
3.	Yuran Pembedahan			
4.	Yuran Pakar Bius			
5.	Bilik Bedah			
6.	Bekalan dan Perkhidmatan Hospital			
7.	Lawatan Pakar Perubatan dan Pakar Dalam Hospital			
8.	Yuran Ambulans			
9.	Pembedahan Harian			
10.	Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia <i>(Tiada had bilangan hari)</i>	RM100	RM100	RM100
Bahagian B: Manfaat Pesakit Luar				
11.	Manfaat Sebelum Penghospitalan <i>(Dalam 60 hari sebelum penghospitalan)</i>	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada deduktibel (jika berkenaan)		
12.	Manfaat Selepas Penghospitalan <i>(Dalam 90 hari selepas pelepasan)</i>			
13.	Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan	Seperti yang dicaj		
14.	Rawatan Kanser Pesakit Luar			
15.	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar			
Had Tahunan Keseluruhan (untuk Bahagian A & B)		RM50,000	RM75,000	RM100,000
Had Tahunan Keseluruhan (untuk Bahagian A & B) dengan rider MediBooster		RM550,000	RM825,000	RM1,100,00

Nota:

- Semua manfaat adalah seperti yang dicaj berdasarkan caj yang munasabah dan lazim di Malaysia, tertakluk kepada deduktibel dan had tahunan keseluruhan. Tiada had seumur hidup dikenakan.
- Terdapat deduktibel sebanyak RM[deduktibel pilihan anda], yang merujuk kepada jumlah tetap yang perlu anda bayar untuk mana-mana satu keilangan sebelum sebarang manfaat dibayar oleh kami.



Deduktibel tersebut akan **dikecualikan** sekiranya [anak anda/anda] dimasukkan ke atau mendapatkan rawatan di mana-mana Hospital Kerajaan di Malaysia

- Perlindungan diberikan sehingga umur 85 tahun pada hari lahir akan datang.

4. Berapakah jumlah caruman yang perlu saya bayar?

Caruman yang anda perlu bayar di bawah pelan ini berbeza berdasarkan umur dicapai [anak anda atau anda].

Sila rujuk butiran caruman [bulanan/tahunan] untuk [anak anda/anda] di bawah:

Umur Dicapai (Hari Lahir Akan Datang)	Jumlah Caruman (RM)	Yuran Pengurusan (RM)	Komisen (RM)
[umur anda/ anak anda]	[caruman]	[yuran wakalah]	[yuran komisyen]

[Caruman akan bergantung kepada umur dicapai anak anda/anda dan pelan pilihan. Sila rujuk kepada lampiran.]

Nota:

- [yuran wakalah]% daripada caruman akan ditolak terlebih sebagai **Yuran Pengurusan** yang mana termasuk **komisen [yuran komisyen]**% sehingga umur 84 tahun pada hari lahir akan datang.
- Bebanan caruman tambahan mungkin dikenakan bergantung kepada pekerjaan dan keadaan kesihatan anak anda atau anda.
- Kaedah pembayaran caruman yang dibenarkan adalah kad kredit / debit.
- Anda boleh memilih untuk membuat bayaran secara bulanan atau tahunan.
- Caruman perlu dibayar sehingga umur 84 tahun pada hari lahir akan datang.



Caruman adalah tidak dijamin. Caruman mungkin diselaraskan berdasarkan portfolio dengan mengambil kira inflasi perubatan dan sebarang faktor lain yang boleh menjejaskan kemampuan portfolio secara material. Kami akan memaklumkan anda sekurang- kurangnya 30 hari sebelum sebarang penyelarasan caruman.

5. Apakah caj dan yuran yang perlu saya bayar?

- [yuran wakalah]% daripada caruman akan ditolak terlebih dahulu sebagai **Yuran Pengurusan** untuk memenuhi perbelanjaan pemasaran dan pentadbiran Kami yang mana termasuk **komisen [yuran komisyen]**%. Untuk tahun sijil pertama anda, **Yuran Pengurusan** dan **komisen** masing-masing adalah bersamaan dengan RM[amaun wakalah] dan RM[komisyen]. Untuk setiap tahun sijil berikutnya, **Yuran Pengurusan** dan **komisen** adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah Soalan 4 di atas.
- Caruman yang dibayar setelah ditolak **Yuran Pengurusan** akan dianggap sebagai Tabarru' dan akan dikreditkan ke dalam Tabung Takaful. Tabarru' berbeza bergantung kepada umur tercapai dan jantina orang yang dilindungi. Walau bagaimanapun, **Tabarru' adalah tidak dijamin.**



Sila baca bahagian ini dengan teliti.

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

Tanggungjawab Pendedahan

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat semasa anda menjawab soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa anda memohon untuk pelan ini). Kegagalan berbuat demikian mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang disediakan tidak tepat atau sudah berubah.

Tempoh Penelitian Percuma

Terdapat tempoh penelitian percuma selama 15 hari kalendar dari tarikh penghantaran e-sijil untuk anda meneliti dan membuat keputusan sama ada anda mahu meneruskan pelan ini. Jika anda tidak mahu meneruskan pelan ini, anda boleh membatalkan sijil dan mendapat bayaran balik penuh caruman yang telah dibayar.

Tempoh Tangguh

Anda mempunyai 30 hari dari tarikh pembayaran caruman (termasuk) untuk membayar setiap caruman yang perlu dibayar. Sekiranya caruman tidak dibayar pada akhir tempoh tangguh, sijil anda akan luput dan orang yang dilindungi tidak akan mempunyai sebarang perlindungan takaful.

Kuat Kuasa Semula

Sekiranya sijil anda telah luput akibat caruman tidak dibayar, anda boleh menguat kuasa semula sijil tersebut pada bila-bila masa dalam 1 tahun dari tarikh luput, tertakluk kepada keperluan kami.

Tempoh Menunggu

Kelayakan untuk manfaat di bawah pelan ini hanya akan bermula 30 hari dari tarikh kuat kuasa atau tarikh kuat kuasa semula, mana-mana yang terkemudian, untuk penyakit selain daripada penyakit tertentu. Untuk penyakit tertentu, tempoh menunggu ialah 120 hari. Tiada tempoh menunggu untuk kecederaan akibat kemalangan.

Deduktibel

Anda perlu membayar jumlah yang dikenakan berdasarkan deduktibel pilihan anda bagi mana-mana satu keilatan sebelum Kami boleh membayar manfaat di bawah pelan ini.

Naik Taraf Bilik dan Penginapan

Sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital di bilik dan penginapan yang lebih tinggi daripada had manfaat bilik dan penginapan beliau, beliau perlu membayar perbezaan dalam caj bilik dan penginapan dan had tersebut.

Lain-lain

- Anda boleh memilih untuk membuat bayaran secara tahunan atau bulanan. Walau bagaimanapun, jumlah amaun yang perlu dibayar dengan mod pembayaran bulanan akan lebih tinggi daripada jumlah amaun yang perlu dibayar dengan mod pembayaran tahunan.
- Perlindungan ke atas orang yang dilindungi akan berkuat kuasa selepas permohonan

berjaya dan caruman pertama telah dibuat. Tarikh kuat kuasa akan dinyatakan dalam e-Sijil anda yang akan anda terima serta-merta.

- c) Untuk memastikan perlindungan berterusan di bawah pelan ini, caruman anda akan ditolak secara automatik daripada kad debit / kredit yang anda pilih berdasarkan mod pembayaran caruman yang telah anda pilih.
- d) Resit akan dikeluarkan untuk caruman yang dibuat ke alamat e-mel anda seperti yang didaftarkan dengan kami. Adalah penting untuk anda menyimpan resit tersebut sebagai bukti pembayaran caruman.
- e) Sekiranya insiden berlaku yang menyebabkan tuntutan, anda hendaklah memberitahu Takaful Malaysia dengan segera. Anda boleh merujuk prosedur tuntutan dalam Sijil.



Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah pelan ini.

7. Apakah pengecualian utama bagi pelan ini?

Pelan ini tidak melindungi berikut:

- ✗ Sebarang tuntutan yang disebabkan oleh penyakit sedia ada.
- ✗ Sebarang tuntutan yang disebabkan oleh penyakit tertentu yang berlaku dalam 120 hari pertama perlindungan berterusan.
- ✗ Kehamilan atau melahirkan anak.
- ✗ Sebarang jagaan atau rawatan perubatan yang diterima terutamanya untuk tujuan eksperimen atau siasatan.
- ✗ Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral.
- ✗ Penyakit atau kecederaan yang timbul akibat apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki atau lumba lari), sukan berbahaya .
- ✗ Rawatan untuk Kecederaan yang dialami semasa melakukan jenayah atau feloni, atau semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, bahan pengubah minda.



Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah pelan ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh meminta untuk membatalkan sijil anda **dalam tempoh penelitian percuma 15 hari kalendar**. Dalam keadaan sedemikian, anda boleh mendapatkan bayaran balik penuh caruman yang telah dibayar.



Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan sijil anda selepas tempoh penelitian percuma 15 hari kalendar, **anda akan mendapat sebahagian daripada bayaran balik caruman** seperti yang ditentukan oleh kami dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan untuk tahun sijil semasa. Sebahagian daripada bayaran balik caruman ialah 68% daripada jumlah caruman, berdasarkan kepada umur dicapai anda semasa penyerahan dan berkadar baki tempoh perlindungan.

9. Apa yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda mengemas kini di portal *myTakaful* Customer atau memaklumkan kepada Kami sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk Takaful Perubatan & Kesihatan, sila hubungi Takaful Malaysia di:


Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]


Tingkat 27, Blok Annex, Menara Takaful

Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Peti Surat 11483, 50746 Kuala Lumpur.

 1-300 88 252 385

 csu@takaful-malaysia.com.my

11. Lain-lain jenis perlindungan takaful keluarga yang disediakan.

Dapatkan produk seumpamanya secara langsung dari laman web Takaful Malaysia dan cawangan kami i.e. Takaful myCare Centre (TMCC) tanpa komisen.

Sila rujuk laman web kami di <https://www.takaful-malaysia.com.my/>.



NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS ("TIPS") PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY).

Pelan ini diuruskan oleh:

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam helaian penerangan produk ini adalah berkuat kuasa pada September 2024.

12. Lampiran.

Caruman Tahunan untuk Takaful myMediValue

Umur	LELAKI			PEREMPUAN		
	Standard	Pro	Max	Standard	Pro	Max
6 - 10	680.00	686.00	814.00	590.00	597.00	661.00
11 - 15	544.00	550.00	653.00	462.00	469.00	541.00
16 - 20	657.00	662.00	765.00	568.00	574.00	663.00
21 - 25	630.00	698.00	774.00	534.00	594.00	690.00
26 - 30	602.00	671.00	739.00	565.00	628.00	730.00
31 - 35	611.00	678.00	849.00	657.00	730.00	875.00
36 - 40	734.00	815.00	884.00	738.00	820.00	984.00
41 - 45	853.00	949.00	1,142.00	952.00	1,057.00	1,267.00
46 - 50	1,212.00	1,348.00	1,458.00	1,241.00	1,379.00	1,647.00
51 - 55	1,414.00	1,570.00	1,753.00	1,475.00	1,640.00	2,012.00
56 - 59	1,902.00	2,115.00	2,303.00	1,987.00	2,208.00	2,597.00
60 - 64	3,096.00	3,440.00	3,950.00	3,329.00	3,700.00	4,048.00
65 - 69	5,049.00	5,940.00	6,812.00	4,865.00	5,724.00	7,032.00
70 - 74	5,999.00	7,498.00	9,093.00	6,463.00	8,079.00	9,332.00
75 - 79	7,684.00	10,975.00	13,004.00	7,520.00	10,741.00	12,718.00
80 - 85	10,597.00	13,246.00	16,064.00	10,371.00	12,966.00	15,711.00

Umur di atas adalah berdasarkan umur hari lahir akan datang dan caruman adalah berdasarkan kes-kes standard. Diskaun caruman sebanyak 20% dan 30% akan terpakai untuk Deduktibel RM2,000 dan RM3,000.

Caruman Bulanan untuk Takaful myMediValue

Umur	LELAKI			PEREMPUAN		
	Standard	Pro	Max	Standard	Pro	Max
6 - 10	62.56	63.11	74.89	54.28	54.92	60.81
11 - 15	50.05	50.60	60.08	42.50	43.15	49.77
16 - 20	60.44	60.90	70.38	52.26	52.81	61.00
21 - 25	57.96	64.22	71.21	49.13	54.65	63.48
26 - 30	55.38	61.73	67.99	51.98	57.78	67.16
31 - 35	56.21	62.38	78.11	60.44	67.16	80.50
36 - 40	67.53	74.98	81.33	67.90	75.44	90.53
41 - 45	78.48	87.31	105.06	87.58	97.24	116.56
46 - 50	111.50	124.02	134.14	114.17	126.87	151.52
51 - 55	130.09	144.44	161.28	135.70	150.88	185.10
56 - 59	174.98	194.58	211.88	182.80	203.14	238.92
60 - 64	284.83	316.48	363.40	306.27	340.40	372.42
65 - 69	464.51	546.48	626.70	447.58	526.61	646.94
70 - 74	551.91	689.82	836.56	594.60	743.27	858.54
75 - 79	706.93	1,009.70	1,196.37	691.84	988.17	1,170.06
80 - 85	974.92	1,218.63	1,477.89	954.13	1,192.87	1,445.41

Umur di atas adalah berdasarkan umur hari lahir akan datang dan caruman adalah berdasarkan kes-kes standard. Diskaun caruman sebanyak 20% dan 30% akan terpakai untuk Deduktibel RM2,000 dan RM3,000.

Caruman Tahunan untuk MediBooster

Umur	LELAKI			PEREMPUAN		
	Standard	Pro	Max	Standard	Pro	Max
6 - 10	204.00	182.00	189.00	168.00	178.00	160.00
11 - 15	164.00	149.00	152.00	138.00	144.00	131.00
16 - 20	192.00	182.00	178.00	168.00	168.00	160.00
21 - 25	194.00	191.00	179.00	177.00	169.00	167.00
26 - 30	194.00	191.00	179.00	177.00	169.00	167.00
31 - 35	223.00	229.00	206.00	212.00	195.00	200.00
36 - 40	232.00	259.00	215.00	240.00	204.00	227.00
41 - 45	300.00	333.00	277.00	308.00	262.00	291.00
46 - 50	383.00	432.00	354.00	400.00	335.00	379.00
51 - 55	460.00	529.00	426.00	489.00	402.00	462.00
56 - 59	604.00	681.00	560.00	630.00	529.00	596.00
60 - 64	1,036.00	1,062.00	958.00	983.00	907.00	929.00
65 - 69	1,787.00	1,844.00	1,653.00	1,707.00	1,563.00	1,614.00
70 - 74	2,385.00	2,448.00	2,207.00	2,265.00	2,087.00	2,143.00
75 - 79	3,412.00	3,337.00	3,156.00	3,087.00	2,985.00	2,920.00
80 - 85	4,214.00	4,121.00	3,898.00	3,812.00	3,687.00	3,606.00

Umur di atas adalah berdasarkan umur hari lahir akan datang dan caruman adalah berdasarkan kes-kes standard.

Caruman Bulanan untuk MediBooster

Umur	LELAKI			PEREMPUAN		
	Standard	Pro	Max	Standard	Pro	Max
6 - 10	18.77	16.74	17.39	15.46	16.38	14.72
11 - 15	15.09	13.71	13.98	12.70	13.25	12.05
16 - 20	17.66	16.74	16.38	15.46	15.46	14.72
21 - 25	17.85	17.57	16.47	16.28	15.55	15.36
26 - 30	17.85	17.57	16.47	16.28	15.55	15.36
31 - 35	20.52	21.07	18.95	19.50	17.94	18.40
36 - 40	21.34	23.83	19.78	22.08	18.77	20.88
41 - 45	27.60	30.64	25.48	28.34	24.10	26.77
46 - 50	35.24	39.74	32.57	36.80	30.82	34.87
51 - 55	42.32	48.67	39.19	44.99	36.98	42.50
56 - 59	55.57	62.65	51.52	57.96	48.67	54.83
60 - 64	95.31	97.70	88.14	90.44	83.44	85.47
65 - 69	164.40	169.65	152.08	157.04	143.80	148.49
70 - 74	219.42	225.22	203.04	208.38	192.00	197.16
75 - 79	313.90	307.00	290.35	284.00	274.62	268.64
80 - 85	387.69	379.13	358.62	350.70	339.20	331.75

Umur di atas adalah berdasarkan umur hari lahir akan datang dan caruman adalah berdasarkan kes-kes standard.